



Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Pendaftaran Negara
No 20 Persiaran Perdana, Presint 2
62551 W.P. Putrajaya

NOTA KEPADA PENGARANG

23 MAC 2023 (KHAMIS)

PELANTIKAN ZAMRI BIN MISMAN SEBAGAI KETUA PENGARAH JABATAN PENDAFTARAN NEGARA YANG BAHARU

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin memaklumkan bahawa Zamri Bin Misman telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara yang baharu berkuatkuasa 22 Mac 2023 (Rabu) menggantikan YBhg. Dato' Ruslin Bin Jusoh.

Zamri Bin Misman, 51 tahun, telah berkhidmat di dalam perkhidmatan awam selama 26 tahun apabila mula dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1997. Beliau yang berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) pernah bertugas di pelbagai Agensi Persekutuan termasuklah di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dan kemudiannya bertugas sebagai Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara, di Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pada masa yang sama JPN merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Ruslin Bin Jusoh atas segala sumbangan dan khidmat bakti beliau kepada JPN.

Untuk sebarang pertanyaan, boleh menghubungi Unit Komunikasi Korporat, Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara, W.P. Putrajaya melalui e-mel pro@jpn.gov.my atau di talian 03 – 8880 7077.

Sekian, harap maklum.

Tamat/.